

## **BAB 2: LATAR BELAKANG KONFLIK PAPUA BARAT**

### **2.1 PENGENALAN**

Papua Barat merupakan bahagian barat pulau New Guinea, yang menjadi wilayah Indonesia dengan rasminya pada 1969. Ia berjiranan dengan negara Papua New Guinea yang berada di bahagian Timur pulau New Guinea. Wilayah ini penuh dengan konflik dan pergolakan sebelum dan semenjak ia dicantumkan dengan Indonesia. Konflik-konflik yang bermula selepas kemerdekaan Indonesia ini menjadi semakin rumit, melalui implementasinya pelbagai dasar-dasar Jakarta yang dilihat tidak adil kepada orang Papua Barat.

Konflik utama yang wujud antara Papua Barat dan Jakarta adalah kebanyakan orang Papua Barat menginginkan kemerdekaan atau menubuhkan sebuah negara baru, daripada menjadi sebahagian Indonesia. Ketidakpuasan orang Papua Barat terhadap Jakarta semakin menebal, apabila Jakarta didakwa menindas orang Papua Barat yang kebanyakannya adalah berketurunan Melanesia. Antara konflik yang wujud pada era pasca kemerdekaan Indonesia di Papua Barat adalah seperti program transmigrasi yang diperkenalkan oleh Suharto telah menyebabkan kemasukkan beramai-ramai orang Indonesia dari wilayah lain ke Papua Barat, dan ini menyebabkan peminggiran orang Papua Barat.

Tambahan pula, disebabkan gerakan pemisahan di Papua Barat juga adalah aktif, pihak berkuasa Indonesia turut memperuntukkan bilangan tentera yang tinggi di wilayah ini. Tentera Indonesia dikaitkan dengan skandal seperti penindasan dan pembunuhan ke atas orang Papua Barat dan ia meruntuhkan perasaan saling percaya antara orang Papua

Barat dengan kerajaan pusat Indonesia. Bab ini akan mengupas sejarah dan asal-usul konflik Papua Barat, konflik yang wujud selepas Papua Barat menjadi sebahagian Indonesia, dan juga reaksi masyarakat antarabangsa terhadap konflik ini.

## 2.2 SEJARAH KOLONIAL PAPUA BARAT

Pembahagian pulau New Guinea kepada dua bahagian, iaitu bahagian barat yang menjadi Papua Barat (Indonesia) dan bahagian Timur menjadi negara Papua New Guinea pada hari ini, merupakan antara tragedi dalam sejarah, yang juga menandakan permulaan episod pahit orang Papua Barat hari ini. Pada 1828, Belanda dengan rasminya menuntut Papua Barat menjadi tanah jajahannya, dan menamakan ia sebagai New Guinea Barat (*West New Guinea*). Bahagian Timur pulau New Guinea pula dijajah oleh Jerman dan United Kingdom (UK), sebelum diserahkan kepada Australia pada tahun 1901 apabila Australia mencapai kemerdekaan dari UK.

Meskipun Papua Barat kaya dengan sumber-sumber asli seperti emas, gangsa, kuprum dan sebagainya, Papua Barat sebenarnya tidak mendatangkan kekayaan yang begitu besar kepada Belanda. Malah, Belanda terpaksa menanggung kos pentadbiran di Papua Barat lebih daripada mengaut untung dari wilayah jajahannya ini. Dari 1950 sehingga 1961 misalnya, pentadbiran Belanda di Papua Barat mengalami defisit, dan angka ini meningkat dari setahun ke setahun. Pada 1951, pentadbiran Belanda di kawasan ini mengalami defisit sebanyak 15,572,099.38 *Dutch guilders*, dan pada 1961, defisit ini telah meningkat sehingga 91,523,000.00 *Dutch Guilders*.<sup>1</sup> Meskipun Belanda tidak dapat mengaut keuntungan daripada menjajah Papua Barat, namun Papua Barat sebenarnya memiliki kepentingan politik dan strategik kepada Belanda, dan ia dilihat

---

<sup>1</sup> Arend Lijphart, *The Trauma of Decolonization: The Dutch and West New Guinea* (New Haven & London: Yale University Press, 1966), 41. Dutch Guilders merupakan mata wang lama Belanda sebelum negara itu memasuki Kesatuan Eropah (EU).

lebih penting daripada faktor ekonomi kepada Belanda. Dari segi pertimbangan strategik, ia membolehkan Belanda yang turut menjajah Indonesia pada ketika itu, membuang pemimpin-pemimpin Indonesia yang tidak diingini ke Papua Barat sebelum 1949.<sup>2</sup> Kedudukan geografi Papua Barat yang jauh dan terasing dari bahagian Indonesia lain membolehkan tujuan Belanda tercapai dalam konteks ini.

Dalam aspek politik, pentadbiran Belanda sebenarnya tidak begitu mementingkan Papua Barat, sehingga berakhirnya Perang Dunia Kedua, kerana sebilangan *Eurasian* yang menetap di bahagian Indonesia lain tidak ingin tinggal di Indonesia yang baru merdeka. Maka, Papua Barat menjadi tempat yang ideal untuk mereka berhijrah.<sup>3</sup> Namun dari segi realistik, permintaan ini tidak dapat dilunas, kerana keadaan ekonomi di Papua Barat adalah tidak memberangsangkan dan tidak mempunyai kondisi yang baik untuk orang *Eurasian* menetap. Pada Perang Dunia Kedua, kedatangan Jepun agak disenangi oleh masyarakat Indonesia secara amnya, kerana kebanyakan mereka menganggap Jepun sebagai pembebas (*liberator*) yang membebaskan cengkaman mereka dari Belanda. Selepas Perang Dunia Kedua berakhir, Indonesia terus mengisytiharkan kemerdekaan mereka pada 17 Ogos 1945. Tindakan ini tidak diresmikan oleh Belanda dan menyebabkan berlakunya peperangan kemerdekaan Indonesia. Pada 27 Disember 1949, Belanda membenarkan Indonesia merdeka. Kesemua bahagian Indonesia hari ini (kecuali Timor Timur), adalah bertukar tangan dari kerajaan Belanda kepada kerajaan Indonesia. Namun demikian, Papua Barat tidak termasuk dalam pemindahan ini.

Bagi Belanda, salah satu sebab yang penting mengapa mereka tidak memindahkan kedaulatan Papua Barat kepada Indonesia, adalah orang Papua

---

<sup>2</sup> Ibid., 63.

<sup>3</sup> Ibid., 69.

mempunyai ras yang berbeza daripada orang Indonesia, maka itu orang Papua perlu diberikan hak untuk menentukan masa depan mereka.<sup>4</sup> Kebanyakan orang Papua adalah berketurunan Melanesia, yang memiliki kulit hitam dan ia adalah ternyata berbeza dengan kebanyakan orang Indonesia yang bekulit terang. Dari segi geografi, lokasi Papua Barat turut lebih hampir dengan lautan Pasifik dan ia menjadi alasan kukuh mengapa Belanda bersedia menjadikan Papua Barat sebagai sebuah negara yang merdeka daripada dicantumkan bersama Indonesia.

### **2.3 FAKTOR-FAKTOR KONFLIK SELEPAS KEMERDEKAAN INDONESIA**

Presiden Sukarno menegaskan bahagian Indonesia seharusnya melintang dari Aceh ke Merauke.<sup>5</sup> Secara logiknya, Sukarno membuat tuntutan sedemikian adalah berasaskan faktor bahawa Indonesia dan Papua Barat mempunyai persamaan kerana kedua-dua mereka merupakan bekas tanah jajahan Belanda. Kenyataan Sukarno sebenarnya membayangkan bahawa semenjak Indonesia mencapai kemerdekaan, kerajaan Indonesia menganggap Papua Barat sebagai sebahagian wilayahnya yang tidak boleh dipisahkan, di mana Sabang di Aceh menandakan permulaan sempadan Indonesia di bahagian paling barat, manakala Merauke di Papua Barat menandakan sempadan Indonesia di bahagian paling timur Indonesia. Selain faktor ini, kesahihan Indonesia sebagai sebuah negara baru adalah berasaskan pegangan kepada kesatuan kesemua wilayah yang pernah dijajah oleh Belanda di Hindia Timur. Sekiranya Papua Barat tidak dimasukkan ke dalam gagasan Indonesia, maka kedudukan Indonesia mungkin akan dipertikaikan. Sukarno telah mengetengahkan isu Papua Barat di Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu (PBB) untuk diselesaikan.

---

<sup>4</sup> Bob Catley and Vinsensio Dugis, *Australian Indonesian Relations Since 1945: The Garuda and The Kangaroo* (Vermont: Ashgate, 1998), 21.

<sup>5</sup> Robert Edward Elson, *The Idea of Indonesia: Sejarah Pemikiran Dan Gagasan*, trans. Zia Anshor (Cambridge: Cambridge University Press, 2009), 217.

Tahun 1962 merupakan tahun penting yang menjadi titik perubahan dalam perkembangan sejarah moden Papua Barat. Sukarno pada waktu itu dilihat terlalu rapat dengan negara-negara komunis, dan tindakan sedemikian membimbangkan negara-negara Barat. Apabila Amerika Syarikat (AS) bergelut dengan kemungkinan penyebaran fahaman Komunis di Indonesia dan penentuan masa depan Papua Barat, AS memilih merestui keinginan Sukarno.<sup>6</sup> Pertukaran polisi AS telah menyumbang kepada termeterainya *New York Agreement*, di mana perjanjian ini meminta Papua Barat dipindah hak kepada PBB terlebih dahulu, sebelum ia dipindah milik kepada Indonesia. Perubahan pendirian AS dilihat sebagai kemenangan nasional di Indonesia. Karismatik Sukarno telah memimpin orang Indonesia mempercayai bahawa Papua Barat adalah wilayah Indonesia yang tidak boleh terpisah. Pada ucapan Hari Kebangsaan tahun 1962, Sukarno berkata bahawa pembebasan Papua Barat bukan disebabkan oleh fanatik, prestij politik, peluasan penjajahan, meningkatkan kapasiti penduduk, ataupun berlumba-lumba untuk sumber asli, tetapi ia adalah prinsip nasionaliti.<sup>7</sup>

Ketika 1969, *Act of Free Choice* telah dikendalikan di Papua Barat, untuk membolehkan orang Papua memilih untuk sama ada menjadi wilayah Indonesia atau pun merdeka. Namun demikian, pungutan suara ini dilihat sebagai penuh dengan konspirasi, dan diibaratkan sebagai “tiada kebebasan memilih”, kerana hanya 1,026 orang dipilih sebagai wakil kepada 800,000 orang Papua. Ia juga mengalami masalah kekurangan pemantauan dari PBB, manakala wakil-wakil yang dipilih dikawal ketat oleh pihak berkuasa Indonesia sebelum pungutan suara berlangsung, dan tidak mengejutkan, kesemua wakil-wakil ini memilih untuk menyertai Indonesia, untuk mengelakkan perkara yang tidak diingini berlaku.<sup>8</sup>

---

<sup>6</sup> Kees Lagerberg, *West Irian and Jakarta Imperialism* (London: C. Hurst & Company, 1979), 3.

<sup>7</sup> Sukarno, *Amanat Proklamasi IV 1961-1966* (Jakarta: Inti Idayu Press, 1985), 58-59.

<sup>8</sup> Neles Tebay, *West Papua: The Struggle for Peace with Justice* (London: Catholic Institute for International Relations, 2005), 7.

Pengendalian *Act of Free Choice* dilihat oleh kebanyakan sarjana sebagai konspirasi, kerana ia dikendalikan dengan cara yang mengelirukan dan pemalsuan. Dokumen-dokumen yang telah dihapus rahsia (*declassified*) oleh *US National Security Archive* menjadi bukti yang kukuh untuk hujah-hujah ini. Pada tahun 1968, apabila pasukan PBB kembali ke Indonesia, ia tidak menjalankan tugas “menasihati, membantu dan mengambil bahagian” sebagai mana yang disenaraikan dalam perjanjian, tetapi terus memindahkan Papua Barat dengan sepenuhnya kepada kerajaan Indonesia, bagi mengurangkan kontroversi dan PBB dapat membebaskan diri daripada bertanggungjawab.<sup>9</sup> Konflik di Papua Barat menjadi semakin rumit, kerana secara amnya orang Papua Barat adalah mempetikaikan kesahihannya, di samping keinginan untuk menuntut kemerdekaan bagi menubuhkan sebuah negara baru adalah menebal di kalangan mereka.

Sehingga hari ini, kebanyakan orang Papua Barat masih berjuang untuk kemerdekaan, dan Organisasi Papua Merdeka (OPM) merupakan antara organisasi yang memimpin dalam pergerakan ini. Namun demikian, ketulenan OPM sering kali dilihat sebagai kurang jelas di kalangan khalayak. OPM mempunyai dua bahagian, satu bahagian yang berpangkalan di luar Papua Barat yang mempromosikan politik dan propaganda; manakala satu kumpulan lagi berada di sempadan Papua Barat dengan Papua New Guinea, dan mereka merupakan pejuang bebas yang terlibat dengan aktiviti gerila.<sup>10</sup>

Ideologi OPM juga dilihat sebagai terlalu kabur.<sup>11</sup> OPM terhad dengan hanya dilengkapi senjata tradisional dan operasi mereka tertumpu di hutan dan luar hutan.<sup>12</sup>

---

<sup>9</sup> John Saltford, *The United Nations and The Indonesian Takeover of West Papua, 1962-1969: The Anatomy of Betrayal* (London: Routledge Curzon, 2003), 182.

<sup>10</sup> Ralph R. Premdas, “The Organisasi Papua Merdeka in Irian Jaya: Continuity and Change in Papua New Guinea’s Relations with Indonesia,” *Asian Survey* 25:10 (1985): 1060-1061.

<sup>11</sup> *Ibid.*, 1061.

McGibbon berpendapat OPM tidak beroperasi sebagai sebuah organisasi yang bersatu, tetapi nama OPM diguna oleh pemimpin dan pengikut dari pelbagai cabang, dan operasi mereka adalah tidak teratur.<sup>13</sup> Perjuangan OPM yang tidak teratur dan tidak dilengkapi dengan senjata moden meskipun tidak dapat mengancam cengkaman Indonesia ke atas rantau ini, namun ia cukup menyakitkan kepala pihak berkuasa kerana ia mampu mencipta keadaan yang tidak stabil dan menyulitkan pentadbiran serta pembangunan di Papua Barat. Meskipun OPM tidak dapat mencapai matlamat politiknya, tetapi ia secara tidak turut menggugat kesahihan pemerintahan Indonesia di kawasan ini.

Semenjak Papua Barat menjadi sebahagian Indonesia yang sah, beberapa konflik yang merumitkan telah wujud di tempat yang penuh dengan pergolakan ini. Antaranya adalah masalah penindasan hak asasi manusia, kebebasan politik, dan peminggiran budaya. Masalah-masalah ini telah membelenggu orang Papua Barat sejak mereka menjadi rakyat Indonesia, dan ia dilihat masih tidak dapat keluar dari kebuntuannya, kerana Jakarta tidak mempunyai usaha yang bersungguh-sungguh untuk mengatasi konflik-konflik ini. Usaha yang diterapkan oleh Indonesia adalah untuk mengukuhkan pemerintahan mereka di Papua Barat, lebih daripada membantu mengatasi masalah yang dihadapi orang Papua Barat.

### **2.3.1 Penindasan Hak Asasi Manusia**

Penindasan hak asasi manusia sering dikaitkan dengan pemerintahan Jakarta di Papua Barat, dan ia sering menjadi perhatian media massa dan sarjana Barat. Pihak berkuasa Indonesia mengamalkan dasar-dasar penafian terhadap dakwaan sedemikian. Tambahan pula, Indonesia mengenakan lawatan terhad kepada pelancong asing, termasuklah aktivis-aktivis dan sarjana asing yang bersimpati terhadap orang Papua

---

<sup>12</sup> Peter King, *West Papua & Indonesia since Suharto: Independence, Autonomy or Chaos?* (Sydney: University of New South Wales Press Ltd, 2004), 47.

<sup>13</sup> Rodd McGibbon, *Pitfalls of Papua: Understanding the Conflict and its Place in Australia-Indonesia Relations* (New South Wales: Lowy Institute for International Policy, 2006), 29.

dilarang masuk ke kawasan yang tidak stabil ini. Antara masalah utama dalam isu hak asasi manusia di Papua Barat adalah masalah pembunuhan yang dilakukan oleh Tentera Nasional Indonesia (TNI), dan angka pembunuhan adalah tidak jelas, tetapi didakwa oleh media massa, aktivis-aktivis, dan sarjana Barat adalah sangat banyak. Pembunuhan yang berlaku tidak setakat terhadap anggota-anggota OPM, malah juga berlaku ke atas orang Papua Barat yang cuma mahu menuntut hak mereka, seperti pemilikan tanah dan layanan yang lebih baik dari pihak berkuasa untuk memperbaiki taraf kehidupan mereka. Wartawan Peter Hastings mendakwa angka pembunuhan adalah sekitar 2000 hingga 3000 orang, manakala bekas gubernor Papua Barat, Eliezer Bonay pernah mendakwa angka kematian adalah sekitar 30,000 pada tahun 1981.<sup>14</sup>

Selain Indonesia tidak berusaha meningkatkan taraf kehidupan orang Papua Barat, Jakarta turut menafikan hak orang Papua Barat untuk menerima bantuan luar, kerana mengkhawatiri pihak luar yang membantu mereka adalah mempunyai motif seperti mempromosikan kesedaran politik di kalangan mereka. Terdapat orang Australia yang berada di Papua Barat pernah cuba meminta orang asing yang turut menghuni di sana, untuk membeli susu pekat manis dan makanan untuk dibahagikan kepada orang Papua Barat, yang kebanyakan kanak-kanak mereka mengalami masalah nutrisi. Namun, ia dihalang oleh Tentera Indonesia, kerana khawatir orang asing ini ingin meningkatkan kesedaran orang Papua Barat mengenai hak mereka dalam isu pemilikan tanah.<sup>15</sup>

Contoh-contoh sedemikian menunjukkan betapa Jakarta adalah sensitif terhadap isu Papua Barat, dan sentiasa mengamalkan dasar-dasar yang berjaga-jaga untuk mengelakkan campur tangan pihak asing yang mungkin akan merumitkan keadaan, atau memberikan tekanan dalam penguasaan mereka ke atas rantau ini. Untuk mengukuhkan

---

<sup>14</sup> Robin Osborne, *Indonesia's Secret War: The Guerilla Struggle in Irian Jaya* (North Sydney: Allen & Unwin, 1985), 50.

<sup>15</sup> *Ibid.*, 70-71.



pemerintahan Indonesia di Papua Barat, kerajaan Indonesia mengerahkan bilangan tentera yang banyak di rantau ini untuk tujuan keamanan. Namun, ia dilihat tidak membantu dalam tujuan ini, sebaliknya tentera yang menyalahgunakan kuasa mereka, terutamanya di era Suharto dilihat mengeruhkan lagi keadaan. TNI dikaitkan dengan skandal pembunuhan, penindasan, berselubung dengan syarikat besar seperti Freeport untuk menindas penduduk Papua Barat bagi mencapai “keamanan” yang diinginkan Jakarta. Meskipun reformasi telah dilakukan ke atas TNI selepas era pasca Suharto, dakwaan mengenai kewujudan skandal-skandal ini masih berleluasa.

### **2.3.2 Halangan Ke Atas Kebebasan Politik**

Pada 1960-an, Belanda sebenarnya sudah bersedia untuk mengizinkan Papua Barat merdeka dan menubuhkan sebuah negara baru. Seajar dengan perkembangan ini, “lagu kebangsaan” dan “bendera kebangsaan” Papua Barat telah dicipta ketika itu. “Bendera kebangsaan” Papua Barat ini diberi nama “Bintang Kejora” (*Morning Star Flag*). Bendera ini dilihat oleh orang Papua Barat sebagai simbolik kepada Papua Barat yang merdeka, tetapi ia ditafsir sebagai simbol memperjuangkan kemerdekaan dan mendustai gagasan Indonesia dalam pengamatan Jakarta. Maka, ia dilarang dari dikibarkan atau dipamerkan oleh orang Papua Barat. Bendera ini dibenarkan untuk dikibar pada zaman pemerintahan Presiden Wahid, dengan syarat ia perlu lebih rendah daripada posisi bendera kebangsaan Indonesia.<sup>16</sup> Dasar ini tidak membawa kepada perkembangan positif dalam konflik ini, cuma ia boleh dilihat sebagai salah satu niat baik yang cuba dihulurkan oleh Jakarta.

Halangan ke atas kebebasan politik orang Papua Barat bukan bermakna mereka tidak boleh menyertai aktiviti-aktiviti seperti pilihan raya yang dianjurkan kerajaan

---

<sup>16</sup> Leanne Piggott, “Terrorism And Violent Internal Conflict In Post-Soeharto In Indonesia: Beyond The Jihadi Prism Of Analysis,” in *Economics Of War And Peace: Economic, Legal, And Political Perspectives*, ed. Benjamin E. Goldsmith and Jurgen Brauer (Bingley: Emerald Group Publishing Limited, 2010), 101.

pusat, tetapi ia menuju kepada aktiviti politik seperti perbincangan mengenai masa depan Papua Barat ataupun untuk menuntut kemerdekaan. Aktiviti sedemikian adalah tidak disenangi pihak berkuasa Jakarta, dan pihak berkuasa akan melakukan penindasan keras yang mungkin menyebabkan kematian orang Papua Barat. Pada kebanyakan situasi apabila pihak berkuasa Indonesia menjalankan operasi membanteras gerakan pemisah di Papua Barat, rakyat jelata yang terlibat dalam aktiviti untuk menyuarakan pandangan politik mereka secara aman turut ditangkap, meskipun ia bercanggah dengan kebebasan berucap yang bersifat universal.<sup>17</sup> Pada Disember 2004, orang awam Papua Barat Filep Karma dan Yusak Pakage ditangkap dan dituduh terlibat dalam pemberontakan kerana mereka menyertai satu perarakan di mana pesertanya menjerit slogan “Papua” dan “Kebebasan”.<sup>18</sup> Contoh-contoh ini dapat menerangkan bagaimana kebebasan politik orang Papua Barat adalah diancam, dan Jakarta tidak akan mengizinkan perbincangan yang dianggap sensitif kerana menganggap ia akan menggugat kedaulatan Indonesia ke atas daerah ini.

### **2.3.3 Peminggiran Budaya**

Semenjak 1969, semakin banyak orang Indonesia dari wilayah lain berhijrah ke Papua Barat. Ia tidak menyebabkan masalah kepadatan penduduk, kerana Papua Barat mempunyai tanah yang sangat luas tetapi hanya memiliki bilangan penduduk yang sangat sedikit. Namun perkembangan ini sebenarnya membawa masalah yang lebih kritikal kepada orang Papua Barat, iaitu peminggiran budaya yang boleh mengancam kehidupan tradisi mereka sejak turun temurun. Pihak berkuasa Indonesia sering mencurigai orang Papua Barat mungkin terlibat dalam aktiviti pemisahan, dan menganggap budaya tradisi mereka mungkin membawa ancaman kepada kesatuan gagasan Indonesia, kerana ia boleh digunakan sebagai alat untuk menyatukan mereka.

---

<sup>17</sup> Human Rights Watch, *Protest And Punishment: Political Prisoners In Papua* (New York: Human Rights Watch, 2007), 2.

<sup>18</sup> Jim Elmslie, Camellia Webb Gannon, and Peter King, *Get Up, Stand Up: West Papua Stands Up for its Right: A Rebuttal International Crisis Group Report No. 188, Radicalisation and Dialogue in Papua: West Papuans Unite Against Special Autonomy and for a Referendum on Independence* (Sydney: The University of Sydney, 2010), 10.

Dengan menghalalkan tindakan mereka di atas nama untuk membanteras kegiatan pemisah, orang-orang Papua Barat yang menggunakan bahasa mereka mungkin akan diberi layanan seperti dipukul, didera dan penganiayaan seks.<sup>19</sup> Selain itu, kebanyakan orang Papua Barat yang masih mengekalkan budaya tradisional mereka dianggap sebagai aneh oleh masyarakat Indonesia lain. Orang Papua Barat yang sering berperang antara puak, tidak memakai baju dan mempunyai tahap pendidikan yang rendah, diejek oleh segolongan orang Indonesia sebagai tidak bertamadun.

Selain itu, warna kulit orang Papua Barat yang berketurunan Melanesia adalah hitam, dan mempunyai rupa waras yang ternyata berbeza dengan etnik orang Indonesia yang lain. Perbezaan ini adalah terlalu nyata, kerana orang Melanesia dilihat langsung tidak mempunyai persamaan dengan orang Indonesia dari kebanyakan aspek. Ia juga merupakan alasan yang baik mengapa orang Papua menuntut untuk mendirikan negara yang baru lebih daripada terus kekal bersama Indonesia. Pandangan sedemikian adalah bahaya bagi Jakarta, dan wujudnya usaha untuk menghilangkan identiti sedemikian. Chauvel memetik Runaweri bahawa pada 1960-an, Indonesia melancarkan dasar-dasar untuk menyebarkan Pancasila, sejarah "Revolusi Besar Indonesia" (*Great Revolution of Indonesia*), Islam, budaya Jawa, mahupun Komunis sebelum tahun 1965, untuk menguatkan identiti orang Papua Barat sebagai "orang Indonesia"<sup>20</sup> Perkembangan sedemikian menjadikan orang Papua Barat turut mengalami penindasan budaya, selain pelanggaran hak asasi kerana Indonesia selalu terbayang bahawa budaya tradisional orang Papua Barat merupakan alat penyatuan dalam usaha mereka menuntut kemerdekaan. Keadaan ini mencetuskan konflik dan menjadikan orang Papua Barat lebih ghairah untuk mencapai kemerdekaan.

---

<sup>19</sup> Neles Tebay, *West Papua: The Struggle for Peace with Justice*, 11.

<sup>20</sup> Richard Chauvel, *Constructing Papuan Nationalism: History, Ethnicity, and Adaptation* (Washington D.C.: East West Centre, 2005), 53.

## 2.4 DASAR-DASAR INDONESIA TERHADAP KONFLIK PAPUA BARAT

Perbedaan antara zaman Sukarno dan Suharto mengenai pemerintahan di Papua Barat adalah sangat ketara. Bagi Sukarno, penguasaan ke atas Papua Barat lebih terjurus kepada kepentingan untuk mengesahkan Indonesia sebagai sebuah negara yang baru; tetapi bagi Suharto, Papua Barat merupakan sebutir permata yang boleh digilap, untuk kepentingan ekonomi kepada Indonesia secara keseluruhannya. Meskipun Papua Barat telah memberi sumbangan yang besar kepada ekonomi Indonesia, namun ia tidak mendatangkan pulangan yang setimpal dari Jakarta. Sebaliknya, Papua Barat masih mengalami masalah seperti kemiskinan, pencerobohan hak asasi manusia, dan pembangunan yang amat terbatas. Bahagian ini akan membincangkan beberapa dasar-dasar Indonesia terhadap Papua Barat yang dilihat kritikal dan memburukkan konflik yang berlanjutan sehingga masa kini.

### 2.4.1 Kesan Sampingan Daripada Program Transmigrasi

Apabila Suharto mengambil alih pucuk pimpinan pada 1968, beliau dilihat oleh AS sebagai regim anti komunis yang konservatif, dan ini menjadikan pihak berkuasa AS menjadi tidak rela mencabar kesahihan penguasaan Indonesia ke atas Papua Barat.<sup>21</sup> Suharto yang anti komunis adalah penting untuk AS menjamin keselamatan serantau, supaya ia tidak dikuasai oleh kuasa komunis. Campur tangan di Papua Barat harus dielakkan supaya tidak menimbulkan masalah dalam hubungan dua hala. Zaman pentadbiran Suharto yang dinamakan *Orde Baru (New Order)* telah melaksanakan beberapa polisi yang membawa kepada perubahan drastik dan signifikan terhadap politik dan suasana ekonomi Indonesia. Bagi Papua Barat, antara perubahan yang ketara

---

<sup>21</sup> Brad Simpson, "Indonesia's 1969 Takeover of West Papua Not by "Free Choice", *The National Security Archive*, <http://www.gwu.edu/~nsarchiv/NSAEBB/NSAEBB128/index.htm/>, 2004 (accessed 28 January 2010).

dalam zaman ini adalah memasukkan beramai-ramai penduduk dari bahagian lain Indonesia terutamanya yang berasal dari pulau Jawa melalui program transmigrasi.

Idea ini berusul daripada masalah kesesakan penduduk di Pulau Jawa, dan Suharto telah melaksanakan program transmigrasi untuk menggalakkan penduduk di Jawa berpindah ke tempat terpencil seperti Papua Barat supaya masalah kepadatan penduduk dapat diatasi. Mereka yang menyertai program ini diberi tanah di Papua Barat bagi memulakan kehidupan baru mereka. Meskipun program ini dapat mengurangkan masalah di Jawa dan tempat-tempat lain Indonesia, namun ia telah mendatangkan beberapa kesan negatif terutamanya dalam aspek sosial kepada orang Papua Barat. Orang-orang Indonesia yang berpindah ke Papua Barat menerusi transmigrasi adalah meningkat dengan signifikan sejak dasar ini dilaksanakan. Berbanding dengan hanya 18,600 orang Indonesia yang menghuni di Papua Barat pada 1965, di mana ia cuma 2.5 peratus daripada penduduk keseluruhan Papua Barat, angka ini meningkat kepada 772,864 pada tahun 2000 dan menjadi 35 peratus populasi.<sup>22</sup>

Peningkatan mendadak ini secara langsung telah mengurangkan peratus orang Papua Barat di tanah kelahiran mereka, dan mereka telah menjadi golongan yang terpinggir. Kebanyakan orang Papua Barat yang berpendidikan rendah tidak dapat bekerja di sektor awam dan jawatan-jawatan penting ini dipegang oleh pendatang dari kepulauan Indonesia yang lain. Masalah sedemikian boleh memberi masalah seperti silap faham antara pegawai dan orang awam, dan jurang yang besar dalam pentadbiran kerajaan dengan orang Papua Barat kerana dasar-dasar atau peraturan yang ditetapkan mungkin tidak membantu orang Papua Barat, kerana pegawai yang melaksanakannya tidak memahami keperluan mereka. Ia turut menimbulkan kekeliruan terhadap identiti

---

<sup>22</sup> Richard Chauvel and Ikrar Nusa Bhakti, *The Papua Conflict: Jakarta's Perceptions And Policies* (Washington D.C.: East West Centre, 2004), 3.

orang Papua Barat kerana pendatang dari kepulauan lain Indonesia yang menetap di Papua Barat turut boleh digelar sebagai “orang Papua Barat”, dan mengancam hak orang Melanesia yang merupakan penghuni asal Papua Barat.

Terdapat juga pendatang dari bahagian Indonesia lain ke Papua Barat yang tertarik dengan peluang perniagaan di kawasan bandar seperti Jayapura, dan kedatangan mereka yang beramai-ramai telah menjadikan bandar ini seperti mirip “Indonesia” kerana mereka telah mendominasi Jayapura dan bilangan mereka lebih banyak daripada orang Papua sendiri.<sup>23</sup> Kedua-dua jenis pendatang ini memberi kesan kepada Papua Barat dalam dua aspek negatif. Yang pertama adalah mereka juga menerima dan menikmati faedah seperti orang Papua Barat yang lain, dan mungkin adalah lebih banyak daripada orang Papua Barat sendiri. Yang kedua adalah orang Indonesia yang berniaga telah menguasai peluang perniagaan yang wujud di Papua Barat, dan ini telah mengurangkan peluang orang Papua Barat untuk turut berniaga dan mengubah kehidupan mereka ke arah yang lebih baik.

#### **2.4.2 Masalah Negatif Yang Wujud Melalui Aktiviti Perlombongan**

Konflik di Papua Barat menjadi lebih rumit, apabila wilayah ini terdapat pelbagai sumber asli yang bernilai. Papua Barat kaya dengan emas dan tembaga, dan ia amat penting kepada ekonomi Indonesia. Selain daripada dua jenis sumber asli ini, Papua Barat juga menghasilkan minyak, gas asli, balak, dan hasil laut. Freeport, sebuah syarikat AS memulakan operasinya di Papua Barat pada 1967. Operasi pertama syarikat ini di Papua Barat adalah dijalankan di Erstberg, di mana ia merupakan sebuah gunung

---

<sup>23</sup> Richard Chauvel, *Constructing Papuan Nationalism: History, Ethnicity, and Adaptation*, 50-51. Jayapura yang disifatkan mirip “Indonesia” dalam konteks ini adalah bermaksud peminjangan orang Indonesia yang beramai-ramai dari tempat lain ke Jayapura telah meyebabkan wajah Jayapura seperti tempat lain di Indonesia, kerana lebih banyak orang Papua Barat (etnik Melanesia) menghuni di kawasan pedalaman berbanding dengan bandar besar seperti Jayapura.

yang kaya dengan tembaga.<sup>24</sup> Freeport mempunyai peranan yang besar dalam perkembangan ekonomi Indonesia. Pada 2008, cukai bersih yang dibayar oleh syarikat ini kepada kerajaan Indonesia adalah sebanyak AS\$1,363 juta.<sup>25</sup> Melalui pembayaran cukai yang tinggi, Freeport dilihat memiliki layanan istimewa yang diberikan oleh kerajaan pusat Indonesia kepada mereka sehingga boleh beroperasi melampaui batasan undang-undang. Faktor ini turut menyumbang kepada konflik di Papua Barat kerana Freeport yang ingin memaksimumkan keuntungan mereka sering kali dikaitkan dengan skandal-skandal seperti pencerobohan alam, dan menindas penduduk-penduduk sekitar kawasan perlombongan, serta memberi ganjaran yang tidak setimpal kepada pekerja etnik Melanesia.

Freeport turut beroperasi di lombong Grasberg. Lombong ini merupakan lombong tembaga dan emas yang terbesar di dunia. Ia menghasilkan 2.3 juta auns emas pada tahun 2000 dan merupakan penghasil emas yang terbesar.<sup>26</sup> Rio Tinto, syarikat perlombongan yang berpangkalan di Australia dan UK melabur AS\$1.7 bilion bagi operasi di Grasberg pada Mei 1995, hasilnya Rio Tinto mempunyai 40 peratus saham di kontrak utama kawasan kerja, dan turut memiliki 40 peratus keuntungan dari hasil.<sup>27</sup> Leith berpendapat Freeport adalah penting kepada Jakarta dari segi ekonomi dan politik. Dari segi ekonomi, Freeport membayar AS\$28.2 juta secara purata dari 1975 ke 1986, dan merupakan pembayar cukai yang terbesar di Indonesia. Dari segi politik pula, kuasa beli Freeport yang besar dan penawaran tempat kerja yang banyak telah berjaya menarik lebih ramai orang Indonesia berpindah ke Papua Barat.<sup>28</sup> Kedua-dua faktor ini mempunyai peranan yang penting dalam rancangan kerajaan Indonesia. Pembayaran cukai yang banyak merupakan sumber kewangan yang penting kepada Jakarta,

---

<sup>24</sup> Clinton Fernandes, *Reluctant Indonesians: Australia, Indonesia, and the Future of West Papua* (Victoria: Scribe Publications Pty Ltd, 2006), 80.

<sup>25</sup> Freeport-McMoran Copper & Gold, "Economic Impacts," [http://www.fcx.com/envir/eco\\_perf.htm/](http://www.fcx.com/envir/eco_perf.htm/) (accessed 23 February 2010).

<sup>26</sup> Glenn Banks, "Mining and the Environment in Melanesia: Contemporary Debates Reviewed," *The Contemporary Pacific* 14:1 (Spring 2002): 44.

<sup>27</sup> Clinton Fernandes, *Reluctant Indonesians: Australia, Indonesia, and the Future of West Papua*, 82.

<sup>28</sup> Denise Leith, *The Politics of Power: Freeport in Suharto's Indonesia* (Honolulu: University of Hawai'i Press, 2003), 78-79.

manakala peluang pekerjaan yang banyak akan menyebabkan lebih ramai orang Indonesia berpindah ke Papua Barat dan membantu menjayakan program transmigrasi. Walaupun Papua Barat adalah kaya dengan sumber asli, namun keuntungan dari aktiviti-aktiviti ini adalah disalurkan kepada pihak berkuasa di Jakarta, dan hanya sebahagian kecil dibahagikan untuk pembangunan Papua Barat atau orang-orangnya. Aktiviti perlombongan turut menyumbang kepada penindasan ke atas orang Papua Barat.

Lebih banyak aktiviti perlombongan bermakna lebih banyak keuntungan terhadap syarikat perlombongan; tetapi pada masa yang sama, ia merupakan mimpi ngeri kepada orang Papua Barat, kerana pelbagai penindasan dilakukan terhadap mereka demi kelancaran aktiviti perlombongan. Bagi kerajaan Indonesia, selagi lebih banyak aktiviti perlombongan bermaksud lebih kekayaan kepada kerajaan, keperitan yang dirasai orang Papua Barat tidak berada dalam pertimbangan mereka. Orang Papua Barat terpaksa menderita dengan masalah seperti penyakit AIDS, kadar kematian ibu dan bayi yang tinggi, budak-budak tidak dapat bersekolah kerana sekolah terletak di tempat yang terlalu jauh dan sebagainya.<sup>29</sup>

Ketiadaan pendidikan yang formal menyebabkan orang Papua Barat tidak dapat berhubung dengan masyarakat luar dengan baik, dan tidak berupaya mengubah nasib dan kehidupan mereka ke keadaan yang lebih baik. Orang Papua Barat turut memfailkan tuntutan mahkamah di AS dan Indonesia mengenai pengambilan tanah yang tidak sah oleh syarikat perlombongan, pencerobohan hak asasi manusia, kemusnahan alam sekitar, tetapi tidak pernah menemui kejayaan.<sup>30</sup> Keadaan sedemikian mungkin menyebabkan mereka yang teraniaya dengan pentadbiran Indonesia mudah dipengaruhi oleh mereka yang menyertai gerakan gerila, kerana mempercayai

---

<sup>29</sup> Carmel Budiardjo, "Resource-Rich West Papua, But Who Benefits?," *The Jakarta Post*, 14 May 2010.

<sup>30</sup> *Ibid.*



perjuangan di landasan undang-undang adalah tidak mungkin untuk merealisasikan matlamat mereka.

Freeport turut dikaitkan dengan TNI dan Polis Indonesia dalam banyak konflik yang wujud di Papua Barat. TNI dan Polis didakwa menerima pembiayaan daripada pihak pengurusan Freeport sebagai balasan mereka untuk melakukan tugas pengamanan di sekitar kawasan perlombongan yang dimiliki mereka. Kedua-dua pihak ini dibidas dalam aktiviti pengamanan kerana wujudnya masalah ketelusan dalam transaksi ini. Keadaan ini turut menimbulkan rasa tidak puas hati dan kesangsian orang Papua Barat terhadap Freeport, TNI dan Polis, dan lebih yakin bahawa kedua-dua entiti ini tidak mempunyai niat yang baik untuk membela nasib mereka. Kerjasama TNI, Polis dan Freeport ini turut dikaitkan dengan masalah rasuah dan penyalahgunaan kuasa, manakala TNI, Polis, dan Freeport masing-masing memperalatkan satu sama lain bagi mengukuhkan penguasaan masing-masing. Pertubuhan bukan kerajaan (NGO) di Indonesia, *Indonesia Corruption Watch* (ICW) menyeru Komisi Pembantas Korupsi (KPK) Indonesia untuk menyiasat kegiatan wang keselamatan yang dibiayai oleh Polis, kerana transaksi yang tidak diketahui oleh Kementerian Kewangan adalah salah dari sisi undang-undang.<sup>31</sup>

#### **2.4.3 Masalah Autonomi Khas (*Special Autonomy*)**

Selepas insiden kemerdekaan Timor Timur, Papua Barat menjadi perhatian yang tinggi dari dalam dan luar Indonesia, mengenai prospek kemungkinan rantau ini turut mengikuti jejak Timor Timur untuk menjadi negara yang baru. Justeru, cara pengendalian pengganti Habibie diberi perhatian dengan luas, agar konflik Papua Barat dapat menemui cara penyelesaian yang sewajarnya. Referendum seperti yang ditawarkan oleh Habibie kepada Timor Timur adalah tidak mungkin, kerana sekiranya

---

<sup>31</sup> "KPK Urged to Immediately Probe Freeport's Security Money," *The Jakarta Post*, 7 November 2011.

ia berlaku, bermakna Indonesia akan terus hilang lagi satu daerah jajahan mereka. Oleh demikian, kebanyakan sarjana yang mengambil perhatian terhadap masa depan Papua Barat mencadangkan autonomi khas (*special autonomy*) sebagai solusi kepada konflik ini.

Pada 2001, Indonesia telah melaksanakan autonomi wilayah (*regional autonomy*) yang menurunkan lebih kuasa kepada kerajaan peringkat daerah (*kabupaten*), dan Papua Barat diberikan status autonomi khas. Namun demikian, status autonomi khas ini tidak boleh disamakan sebagai satu autonomi khas untuk orang Papua Barat mentadbir daerah mereka sendiri, kerana ia sebenarnya tidak banyak berbeza dengan autonomi wilayah yang turut diamalkan di seluruh pelusuk Indonesia. Pelaksanaan autonomi khas di Papua Barat dilihat tidak dapat mencapai matlamat untuk menawarkan pentadbiran yang lebih baik, tetapi pada masa yang sama dikaitkan dengan penyelewengan dengan wujudnya kritikan mengenai masalah pendidikan, kesihatan, pendapatan rendah yang masih lagi menyelubungi orang Papua Barat, di samping ia masih gagal menghadkan aktiviti ejen perisik dan tentera di rantau ini.<sup>32</sup> Kes rasuah dan pengurusan yang tidak cekap juga wujud melalui pelaksanaan autonomi khas, dan ia menimbulkan tanda tanya mengenai keikhlasan kerajaan pusat Indonesia melaksanakannya.<sup>33</sup> Perkara-perkara sedemikian akan membantutkan kepercayaan orang Papua Barat terhadap kerajaan Indonesia, yang akhirnya masih tidak dapat memperbaiki tahap kepercayaan yang masih tipis sejak dulu hingga sekarang.

Pada 27 Januari 2003, Presiden Megawati Sukarnoputri telah membahagikan Papua Barat kepada dua wilayah, iaitu Papua Barat dan Papua. Kesahihan keputusan

---

<sup>32</sup> Richard Chauvel, "Electoral Politics and Democratic Freedoms in Papua," in *Problems of Democratisation in Indonesia: Elections, Institutions and Society*, ed. Edward Aspinall and Marcus Mietzner (Singapore: Institute of Southeast Asian Studies, 2006), 314.

<sup>33</sup> Esther Heidbuchel, *The West Papua Conflict in Indonesia: Actors, Issues and Approaches* (Wettenberg: Die Deutsche Bibliothek, 2007), 122.

pembahagian ini masih merupakan tanda tanya dari segi perundangan. Percanggahan timbul kerana walaupun undang-undang No.45/1999 dan Dekri Presiden 4/2003 telah membahagikan Papua Barat kepada tiga bahagian, namun Undang-undang Khas Autonomi Papua masih menyatakan keseluruhan Papua Barat sebagai satu daerah.<sup>34</sup> Sehingga Ogos 2012, keputusan pembahagian Papua Barat masih kekal sebagai dua daerah, dan bukan tiga daerah seperti yang dicadangkan oleh undang-undang No.45/1999 dan Dekri Presiden 45/2003. Tindakan membahagikan Papua Barat kepada dua bahagian membawa kepada dua masalah yang baru, iaitu ia telah melanggar Undang-Undang Khas Autonomi Papua, di samping menyebabkan orang Papua Barat meragui niat sebenar kerajaan Indonesia melaksanakan dasar sedemikian. Ia turut dikaitkan dengan helah Indonesia yang ingin memecahkan identiti orang Papua Barat, kerana orang Papua Barat akan dikenali sebagai “orang Papua” dan “orang Papua Barat” dalam konteks ini, dan memecahkan penyatuan mereka dalam usaha menuntut kemerdekaan.

Nama Papua Barat turut mengalami transformasi mengikut urutan masa. Apabila rantau ini di bawah penguasaan Belanda, ia dipanggil sebagai Netherlands New Guinea (*Nederlands Nieuw Guinea*), namun kebanyakan orang Papua Barat masih memanggilnya sebagai Papua. Belanda kemudiannya menukar nama kepada Papua Barat sejajar dengan permintaan Jawatankuasa Nasional. Bagi orang Papua Barat yang pro Indonesia dan orang Indonesia yang lain, mereka lebih cenderung memanggilnya sebagai Irian.<sup>35</sup> Presiden Wahid pada tahun 2000 bersetuju daerah Papua harus bertukar namanya kepada Papua dari Irian Jaya, dan tindakan ini menyebabkan beliau dihormati di kalangan orang Papua Barat.<sup>36</sup> Walaubagaimanapun, Chauvel dan Ikrar Nusa Bhakti

---

<sup>34</sup> Timo Kivimaiki, *Initiating a Peace Process in Papua: Actors, Issues, Process, and the Role of the International Community* (Washington, D.C: East-West Centre Washington, 2006), 3.

<sup>35</sup> Richard Chauvel and Ikrar Nusa Bhakti, *The Papua Conflict: Jakarta's Perceptions And Policies*. Lihat bahagian nota hujung untuk nota hujung 1.

<sup>36</sup> Clinton Fernandes, *Reluctant Indonesians: Australia, Indonesia, and the Future of West Papua*, 97.

berpendapat tiada usaha lanjut dilakukan untuk merasmikan tindakan yang diambil Wahid.<sup>37</sup> Ini turut boleh terbukti dengan keputusan Megawati membahagikan Papua Barat kepada dua wilayah, yang melihat nama “Papua” dan “Papua Barat” pada waktu kini sudah tidak simbolik menggambarkan keseluruhan bahagian barat kepulauan Papua yang dimiliki oleh Indonesia.

## **2.5 REAKSI MASYARAKAT ANTARABANGSA TERHADAP KONFLIK PAPUA BARAT**

Walaupun Timor Timur sering dirujuk sebagai contoh perbandingan dengan Papua Barat, namun kedua-dua kes ini sebenarnya adalah berbeza dengan nyata dari segi asal-usulnya. Bagi Timor Timur, selepas Portugis berundur dari bekas tanah jajahannya, perampasan Timor Timur oleh Indonesia adalah tidak diperakui di pentas antarabangsa. Secara tidak langsung, ini bermakna tindakan pencerobohan Indonesia adalah tidak sah dan menyalahi undang-undang antarabangsa. Bagaimanapun, bagi kes Papua Barat, selepas termeterainya *Act of Free Choice*, ia sebenarnya bermaksud Papua Barat adalah diakui secara rasmi oleh masyarakat antarabangsa sebagai wilayah Indonesia. Malah, Simon berpendapat situasi di Papua hari ini “hampir-hampir lenyap dari agenda perbincangan antarabangsa”.<sup>38</sup> Dalam erti kata lain, ia bermakna status Papua Barat adalah tidak dapat berpatah balik, sukar dicampur tangan oleh masyarakat antarabangsa, kecuali terdapat inisiatif yang diambil oleh kerajaan Indonesia sendiri.

Walaubagaimanapun, ini tidak bermakna Indonesia adalah selamat daripada tekanan antarabangsa. Secara realistiknya kebanyakan kerajaan asing tidak akan mempersoalkan kedaulatan Indonesia, untuk mengelakkan ketidakselesaan orang Indonesia terhadap status Papua Barat. Selepas serangan keganasan 9/11 di New York

---

<sup>37</sup> Richard Chauvel & Ikrar Nusa Bhakti, *The Papua Conflict: Jakarta's Perceptions And Policies*. Lihat bahagian nota hujung untuk nota hujung 1.

<sup>38</sup> Geoff Simons, *Indonesia: The Long Oppression*, (London: Macmillan Press Ltd., 2000), 90.

pada 2001, fokus utama negara Barat yang dipimpin AS adalah perang terhadap keganasan, dan disusuli masalah ekonomi selepas 2008. Kecuali diperlukan, konflik Papua Barat tidak akan menjadi isu utama. Pada masa yang sama, sebagai negara populasi Muslim terbesar di dunia, Indonesia diperlukan untuk menjadi rakan utama AS dalam usaha membanteras penganas Islam. Sehubungan itu, konflik Papua Barat yang sensitif tidak akan diungkit kerana ia akan memberi kesan yang negatif terhadap hubungan dua hala AS dan Indonesia.

Dalam pelaksanaan *The New York Agreement*, PBB turut dilihat lebih cenderung untuk membantu Indonesia menguasai Papua Barat dengan kontroversi dan gangguan yang minimum, kerana ia didesak oleh AS dalam suasana politik Perang Dingin.<sup>39</sup> Latar belakang waktu itu yang melihat seluruh Asia Tenggara diancam kemungkinan didominasi oleh kuasa Komunis menyebabkan negara Barat yang diketuai AS menjadikan usaha membanteras perluasan pengaruh Komunis ke Asia Tenggara menjadi keutamaan, dan Indonesia harus tidak ditekan dalam perebutan kedaulatan Papua Barat, bagi mengelakkan negara itu berpaling arah ke negara Komunis yang boleh memudaratkan kepentingan negara Barat di rantau ini. Jelas terbukti, PBB yang terlibat dalam proses referendum ini tidak menjalankan tugas mereka dengan baik, malah mengambil jalan mudah untuk mengizinkan Indonesia mengambil alih Papua Barat, yang merupakan jalan penyelesaian yang lebih senang di samping dapat memenuhi permintaan AS dan kehendak Indonesia.

Faktor-faktor ini menyebabkan kemungkinan untuk negara Barat seperti AS atau Australia membangkitkan isu kedaulatan Papua Barat pada masa depan adalah sangat tipis, kerana sekiranya ia berlaku, ia turut akan mempersoalkan konspirasi pihak-pihak yang terlibat, yang tidak mengambil peduli suara hati orang Papua Barat untuk merdeka

---

<sup>39</sup> John Saltford, *The United Nations and The Indonesian Takeover of West Papua, 1962-1969: The Anatomy of Betrayal*, 182.

pada 1960-an. Masalah hak asasi manusia yang berlaku di Papua Barat juga jarang dipersoalkan di peringkat kerajaan di kalangan negara Barat, dan ia sudah seolah-olah hilang dari agenda masyarakat dunia mengenai masalah kedaulatan di Papua Barat sejak sekian lama lagi. Faktor-faktor sedemikian menyebabkan perjuangan orang Papua Barat dalam menuntut kemerdekaan semakin menemui jalan buntu seiring dengan peralihan masa.

Dari segi peringkat NGO di negara Barat, mereka lebih aktif membantu orang Papua Barat memperjuangkan hak dan masa depan mereka. Pemimpin-pemimpin Papua Barat yang dibuang negeri oleh pihak berkuasa Indonesia dan menghuni di negara-negara seperti AS, Kanada, Australia dan UK, bergabung tenaga dengan NGO tempatan untuk membongkar pelbagai layanan buruk yang diberikan pihak berkuasa Indonesia terhadap orang Papua Barat, di samping mempromosikan idea supaya masyarakat antarabangsa boleh menyebelahi mereka dalam usaha menuntut kemerdekaan. Perjuangan-perjuangan sedemikian tidak berada dalam aliran utama, dan meskipun ia mendapat perhatian dari masyarakat negara Barat, ia tidak dapat menjadikan proses memperjuangkan hak orang Papua Barat sebagai agenda utama dalam masyarakat dunia.

Masyarakat Australia dilihat sebagai golongan yang paling menyokong usaha orang Papua Barat untuk menuntut kemerdekaan. Pihak-pihak seperti Persatuan Papua Barat Australia (*The Australian West Papua Association*), Projek Papua Barat Universiti Sydney (*University of Sydney's West Papua Project*), aktiviti gereja individu dan sebagainya adalah pihak-pihak penting yang membangkitkan isu Papua Barat di Australia.<sup>40</sup> Untuk mengatasi konflik di Papua Barat, masyarakat dunia terutamanya aktor kerajaan perlu mengambil inisiatif untuk menjadi pengantara kepada kerajaan Indonesia dan masyarakat Papua Barat bagi memulakan dialog untuk membincangkan

---

<sup>40</sup> McGibbon, 2006, *Pitfalls of Papua: Understanding the Conflict and its Place in Australia-Indonesia Relations*, 90-91.

solusi yang lebih baik untuk mengatasi ketegangan ini. Australia yang merupakan jiran rapat Indonesia dan kuasa besar di rantau ini mempunyai potensi untuk memainkan peranan ini berbanding negara lain. Peranan Australia dalam konflik ini akan dibincangkan dengan lebih lanjut di Bab 3.

## **2.6 KESIMPULAN**

Konflik di Papua Barat telah berlanjutan semenjak akhir tahun 1940-an, dan masih tidak dapat diselesaikan oleh kerajaan Indonesia dengan baik. Masalah utama dalam konflik ini pada masa kini adalah Jakarta tidak menggandakan usaha mereka untuk memperbaiki kehidupan orang Papua Barat, serta membiarkan pelbagai penyelewengan yang berlaku sehingga menjejaskan rasa saling percaya yang sememangnya sudah tipis semenjak Papua Barat dimasukkan ke Indonesia. Cara untuk menyelesaikan konflik ini memang banyak, tetapi secara asasnya cuma ada dua, iaitu sama ada terus mendampingi dan memenangi hati orang Papua Barat, atau pun membenarkan bahagian Indonesia ini merdeka untuk menjadi sebuah negara yang baru.

Pada masa kini, opsyen pertama adalah di aliran utama, namun ia tidak mudah untuk kerajaan pusat Indonesia. Dari segi undang-undang, sudah memang adalah sah Papua Barat menjadi sebahagian Indonesia melalui termeterainya *The New York Agreement* dan *Act of Choice*, namun orang Papua Barat masih mempertikaikan kesahihan perjanjian ini di samping mempercayai Belanda telah membenarkan mereka merdeka dan Indonesia adalah penceroboh ke atas tanah tumpah mereka. Orang Papua Barat turut masih mempunyai kesukaran untuk menganggap diri mereka sebagai orang Indonesia, kerana mereka sebenarnya turut mengalami diskriminasi daripada orang Indonesia yang lain kerana dianggap sebagai golongan yang tidak bertamadun.

Meskipun Papua Barat kaya dengan sumber mineral, namun kebanyakan kekayaan yang diterima tidak digunakan untuk kebajikan dan pembangunan Papua Barat, dan ini telah menimbulkan rasa tidak puas hati di kalangan mereka. TNI dan Polis yang ditugaskan telah menyalahgunakan kuasa mereka dengan sewenang-wenangnya, menjadikan orang Papua Barat meragui keikhlasan mereka. Faktor-faktor sedemikian mendesak Jakarta untuk melakukan sesuatu supaya kestabilan di Papua Barat dapat kembali ke landasan yang betul. Antara perkara penting adalah memenangi hati orang Papua Barat, ia boleh dilakukan dengan dasar-dasar seperti membahagikan hasil keuntungan aktiviti perlombongan dengan lebih banyak kepada orang Papua Barat supaya mereka dapat menikmati kehidupan yang lebih baik. TNI dan Polis yang menyalahgunakan kuasa dalam pelaksanaan tugas mereka turut mencemari imej kerajaan Indonesia di kalangan orang Papua Barat. Hukuman dan tindakan tatatertib yang setimpal harus dikenakan kepada anggota penguatkuasaan undang-undang ini, agar ia dapat mengembalikan kepercayaan orang Papua Barat.

Dalam opsiyen mengadakan referendum untuk orang Papua Barat memilih sama ada mereka ingin kekal bersama Indonesia atau merdeka, ia adalah tidak mungkin dalam pelaksanaannya, kerana Jakarta tidak mungkin akan melepaskan Papua Barat di mana tindakan ini mungkin membawa ancaman kepada kesatuan gagasan Indonesia secara keseluruhannya. Sekiranya referendum diadakan, keputusannya juga mungkin tidak semestinya berakhir dengan Papua Barat merdeka, berdasarkan komposisi penduduk Papua Barat masa kini. Imigran-imigran Indonesia dari bahagian lain negara ini yang menetap di Papua Barat turut digelar sebagai “orang Papua Barat” dalam konteks yang lebih luas. Sekiranya mereka turut mengundi, kebarangkalian mereka pilih untuk kekal dengan Indonesia adalah tinggi, dan ia tidak dapat membantu dalam menyelesaikan konflik ini.



Apabila opsi untuk mengadakan referendum adalah menjadi tidak mungkin, kerajaan Indonesia seharusnya mengadakan dialog antara mereka dengan orang Papua Barat untuk membicarakan dan memperbaiki kehidupan mereka. Secara realistiknya, kerajaan Indonesia dan orang Papua Barat seharusnya memikirkan masa depan Papua Barat dari segi yang lebih praktik, dengan menyingkirkan kemungkinan Papua Barat merdeka kerana ia adalah tidak logik dalam percaturan Jakarta. Bagaimana melaksanakan dialog dengan lebih terancang dan membantu orang Papua Barat menjalani kehidupan yang lebih baik, serta menghilangkan segala tindakan yang tidak adil terhadap mereka, perlu menjadi agenda utama Jakarta dengan secepat mungkin untuk memperbaiki hubungan mereka yang sudah retak sejak awal lagi.